



# PELAN ANTIRASUAH KELANTAN

KELANTAN  
ANTI-CORRUPTION PLAN  
(KACP)

**2020 - 2024**





# PELAN ANTIRASUAH KELANTAN

KELANTAN ANTI-CORRUPTION PLAN  
(KACP)

2020 - 2024



# SIDANG PENGARANG

PELAN ANTIRASUAH KELANTAN  
KELANTAN ANTI -CORRUPTION PLAN  
(KACP)



Diterbitkan Oleh :  
BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
ARAS 2, MABNA-MBI (BLOK 8)  
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU, KELANTAN

No. Telefon : 09-7481957 samb. 8232  
Emel : bitu@kelantan.gov.my  
Laman Web : www.kelantan.gov.my

## PENASIHAT

YB. Dato' Kaya Setia  
Dato' Nazran bin Muhammad  
Setiausaha Kerajaan Kelantan

## PERUNDING

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA, PUTRAJAYA**

Pn. Sarimah binti Sulaiman  
Pn. Hamidah binti Azizi  
Pn. Sorfina Izzati binti Mohd Said  
Pn. Ku Syazwani binti Ku Azmi

## KETUA EDITOR

Tuan Hj. Mohd Zaki bin Yusoff  
Pengarah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus

## EDITOR

En. Wan Muhammad Hazam bin Wan Hassan  
Bahagian Integriti dan Tadbir Urus

Pn. Azah binti Mohamad  
Bahagian Integriti dan Tadbir Urus

Pn. Norhasliza binti Sukeri  
Bahagian Integriti dan Tadbir Urus

Bidang Keutamaan - Tadbir Urus Politik  
En. Wan Fahazil bin Wan Mohamad Jaffar  
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Bidang Keutamaan - Pentadbiran Sektor Awam  
Pn. Siti Shahida binti Arifin  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bidang Keutamaan - Perolehan Awam  
En. Mohd Rosli bin Mohamed  
Perbendaharaan Negeri Kelantan

Bidang Keutamaan - Perundangan dan Kehakiman Syariah  
Tn. Norhasney Ridhwan bin Hassan  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan

Bidang Keutamaan - Penguatkuasaan Undang-Undang  
Pn. Wan Aminatul Aisyah binti Kamaruddin  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan

Bidang Keutamaan - Tadbir Urus Korporat  
Pn. Paridah binti Yaacob  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Amanat YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan	i
Perutusan YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan	ii
Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi	iii
Jawatankuasa Induk Pembangunan Pelan Antirasuah Kelantan	iv
<b>BAB 1 - PENGENALAN</b>	
Latarbelakang	2
Visi, Misi, Matlamat dan Strategi KACP	3
Nilai Teras	4
Polisi Antirasuah, Polisi Hadiah dan Polisi Pemberi Maklumat	5
<b>BAB 2 - ISU DAN CABARAN</b>	
Senario Rasuah dan Salahlaku Integriti	7
Isu Dan Cabaran Utama yang dihadapi dalam Menangani Rasuah dan Salah Laku Integriti	8
Pelaksanaan Pemantapan Pencegahan Rasuah dan Salah Laku Integriti	9
Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko	10
Bidang-Bidang Berisiko	11
<b>BAB 3 - MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH</b>	
Pelan Antirasuah Kelantan	13
Keperluan Kerangka KACP	14
Kerangka KACP 2020-2024	15
Analisis Ke Atas Maklumat Tohmahan Rasuah dan Salah Laku Integriti	16
Analisis Kuadran	17
Keutamaan Strategi	18
Bidang Keutamaan :	
i. Bidang Keutamaan Pentadbiran Sektor Awam	21
ii. Bidang Keutamaan Perolehan Awam	26
iii. Bidang Keutamaan Penguatkuasaan Undang-Undang	29
iv. Bidang Keutamaan Tadbir Urus Korporat	32
v. Bidang Keutamaan Tadbir Urus Politik	34
vi. Bidang Keutamaan Perundangan dan Kehakiman Syariah	37
<b>BAB 4 - TADBIR URUS</b>	
Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan	42
Mekanisme Penyelarasan dan Penilaian	43
<b>BAB 5 - KESIMPULAN</b>	44
Sorotan Memoir	
Penghargaan	
Singkatan	

## AMANAT YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
فرمان الله سبحانه وتعالى:

Firman Allah yang bermaksud :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ وَتُدْخُلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) diantara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” (Surah al-Baqarah:188)

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas anugerah rahmat dan nikmatNya kepada kita sekalian. Dalam suasana aman dan harmoni, kita diberi taufiq dan hidayah untuk terus berkhidmat kepada negeri dan rakyat di bumi Kelantan ini dengan menjulang Dasar Membangun Bersama Islam kearah merealisasi tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.


Pelan Antirasuah Kelantan 2020-2024 (KACP) bakal menjadi rujukan dalam melaksanakan tadbir urus terbaik di setiap Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Pelan perancangan 5 tahun ini memberi gambaran yang jelas mengenai komitmen Kerajaan Negeri dalam membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dikalangan Penjawat Awam Negeri. Inilah hasrat kita bersama untuk mencapai Visi Ke Arah Pentadbiran Negeri Kelantanyang Berintegriti dan Bebas Rasuah menjelang tahun 2024 berpaksikan kepada konsep 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan.

Saya juga mengharapkan semua Penjawat Awam Negeri Kelantan akan memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam KACP 2020-2024 kerana sebagai penjawat awam, nilai etika, jati diri dan integrity yang tinggi adalah perkara utama yang perlu kita sama-sama hayati dan amalkan.

Saya percaya usaha kearah pemantauan pelaksanaan semua inisiatif akan dibuat dengan rapi malahan usaha kearah penambahbaikan diharap sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan kepada masyarakat.

Saya menyeru semua pihak khususnya penjawat awam negeri Kelantan, untuk berganding bahu bagi menjadikan negeri ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta akan berkhidmat dengan penuh berintegriti.

Sekian.



Dato' Bentara Kanan  
Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, S.J.M.K, D.J.M.K (Kelantan)  
Menteri Besar Kelantan



*“Pelan perancangan 5 tahun ini memberi gambaran yang jelas mengenai komitmen Kerajaan Negeri dalam membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam Negeri. Inilah hasrat kita bersama untuk mencapai Visi Ke Arah Pentadbiran Negeri Kelantan yang Berintegriti dan Bebas Rasuah”*



## PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya jua, Pelan Antirasuah Kelantan atau "Kelantan Anti-Corruption Plan (KACP) 2020-2024 yang komprehensif khusus untuk pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan telah berjaya dihasilkan.

Selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang inginkan Malaysia dikenali dengan integritinya, bukan kerana rasuahnya, Kerajaan Negeri Kelantan komited mendukung aspirasi tersebut bagi memastikan Kelantan menjadi sebuah negeri yang bebas rasuah. Justeru, Pelan KACP 2020-2024 dibangunkan secara kolektif sebagai platform yang kukuh ke arah usaha membudayakan integriti di kalangan warga penjawat awam negeri Kelantan dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

KACP telah menetapkan enam (6) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah memperkukuhkan profesionalisme dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam negeri Kelantan, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, meningkatkan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, memperkasakan tadbir urus baik dalam entiti korporat, memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti politik serta mempertingkat kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman syariah.

Diharap Pelan KACP ini dapat dilaksanakan sepenuhnya dan menjadi panduan ke arah melaksanakan agenda integriti dalam organisasi secara holistik. Sedemikian, diharapkan warga penjawat awam negeri Kelantan dapat memahami, menghayati, dan membudayakan integriti seterusnya, menghindarkan diri dari terjebak dengan salah laku yang bertentangan dengan tatakelakuan penjawat awam.

Sesungguhnya menjadi tanggungjawab setiap penjawat awam negeri Kelantan untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan pelan ini dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses membangunkan Pelan KACP ini. Semoga usaha murni ini dapat membentuk negara, penjawat awam dan masyarakat yang berintegriti, disanjung tinggi seterusnya dihormati di mata dunia.

Sekian.

Dato' Kaya Setia  
Dato' Nazran bin Muhammad, S.P.S.K (Kelantan)  
Setiausaha Kerajaan Kelantan



*"Diharapkan warga penjawat awam negeri Kelantan dapat memahami, menghayati, dan membudayakan integriti seterusnya, menghindarkan diri dari terjebak dengan salah laku yang bertentangan dengan tatakelakuan penjawat awam"*

## PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah Kelantan, Kelantan Anti-corruption Plan (KACP) 2020-2024 dibangunkan selaras dengan penggubalan Pelan Antirasuah Nasional atau lebih dikenali sebagai "National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023" yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Kerangka pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat Jawatankuasa enam (6) bidang keutamaan Pelan Antirasuah Kelantan dan melibatkan pelbagai jabatan/agensi negeri Kelantan untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Kerjasama semua pihak yang terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan.

Penghasilan KACP ini juga telah mendapat sokongan dan bantuan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia, Biro Pengaduan Awam dan Jabatan Audit Negara dalam menyediakan maklumat dan statistik yang diperlukan. Justeru itu, setiap intipati KACP telah pun mengambil kira senario dan punca permasalahan rasuah di jabatan/agensi negeri Kelantan daripada dalaman mahupun luaran.

Maka, Pengurusan Tertinggi Kerajaan Negeri Kelantan berjanji dan komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai baik. Dengan langkah ini, kepercayaan dan keyakinan di kalangan rakyat terhadap perkhidmatan Kerajaan negeri Kelantan akan meningkat.

Semoga dengan inisiatif ini diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus jabatan/agensi negeri Kelantan serta Pelan KACP ini akan menjadi rujukan dan panduan bagi semua jabatan/agensi untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing.





## JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH KELANTAN 2020-2024

### PENASIHAT

YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan  
Dato' Haji Ahmad bin Yakob  
Menteri Besar Kelantan

### PENGERUSI

YB. Dato' Kaya Setia Dato' Nazran bin Mohamed  
Setiausaha Kerajaan Kelantan

### TIMBALAN PENGERUSI

YM. Dato' Haji Tengku Azmi bin Tengku Jaafar  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Bidang Keutamaan Pentadbiran Sektor Awam

### SETIAUSAHA

YBrs. Tuan Haji Mohd Zaki bin Yusoff  
Pengarah Bahagian Integriti dan Tadbir Urus

### AHLI

YB. Dato' Ahmad Robert bin Abd Rahim  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Bidang Keutamaan Perolehan Awam

YM. Tengku Kaya Perkasa  
Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Bidang Keutamaan Tadbir Urus Politik

YBhg. Dato' Haji Zamri bin Ismail  
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Bidang Keutamaan Penguatkuasaan Undang-Undang

YABrs. Tuan Haji Ab. Aziz bin Yunus  
Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Bidang Keutamaan Tadbir Urus Korporat

YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa  
Bidang Keutamaan Perundangan dan Kehakiman Syariah

YABrs. Tuan Haji Mohd Farid bin Dato' Haji Abdul Razak  
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

YABrs. Tuan Rosli bin Hussain  
Pengarah SPRM Negeri Kelantan

YABrs. Tuan Haji Mohamad bin Othman  
Ketua Unit Audit Dalam

### URUSETIA

Bahagian Integriti dan Tadbir Urus

## BAB 1 PENGENALAN

Merangkumi latar belakang dan beberapa usaha yang telah diambil melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus dan usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah. KACP digubal untuk memberi fokus dan hala tuju yang lebih jelas untuk memerangi rasuah dan salahlaku integriti.



## LATAR BELAKANG

Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan) NACP 2019-2023 telah dibangunkan bagi menggantikan pelan terdahulu iaitu Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004. Pembentukan Pelan Antirasuah Kelantan (KACP) 2020-2024 di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019. Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang lebih praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam tempoh lima tahun akan datang.

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Kerajaan Negeri Kelantan amat serius dalam menangani isi pelanggaran integriti, rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan penjawat awam negeri Kelantan.

Bagi merealisasikan usaha ini, Kerajaan telah memberi mandat kepada Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan satu Pelan Antirasuah Kelantan (KACP) 2020-2024) bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan rasuah secara menyeluruh. Pelan ini akan bertindak sebagai suatu kerangka bagi transformasi ke arah negeri Kelantan yang bebas rasuah.

KACP ini juga dibangunkan bagi menggantikan Pelan Integriti Organisasi yang menjadi panduan untuk pelaksanaan program-program integriti berdasarkan strategi-strategi yang ditetapkan dalam PIO.

Untuk memastikan kelestarian KACP, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau dan dikaji secara berkala. Maklum balas, nasihat dan panduan berterusan akan dibuat supaya selari dengan perubahan dan kehendak semasa.

PELAN INTEGRITI  
NASIONAL  
(PIN)  
2004

PELAN INTEGRITI  
ORGANISASI (PIO)  
PEJABAT SUK KELANTAN  
2008-2012

PELAN INTEGRITI  
ORGANISASI (PIO)  
PEJABAT SUK KELANTAN  
2013-2015

PELAN INTEGRITI  
ORGANISASI (PIO)  
PEJABAT SUK KELANTAN  
2017-2020

PELAN ANTIRASUAH  
KELANTAN  
(KACP)  
2020-2024

## VISI, MISI, MATLAMAT DAN STRATEGI PELAN ANTIRASUAH KELANTAN (KACP)



### VISI

Ke arah pentadbiran Negeri Kelantan yang berintegriti dan bebas rasuah



### MISI

Memperkasakan tadbir urus dan integriti penjawat awam Negeri Kelantan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa



### STRATEGI

1. Memperkukuhkan profesionalisme dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam Negeri Kelantan
2. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam
3. Meningkatkan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang
4. Memperkasakan tadbir urus baik dalam entiti korporat
5. Memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti politik
6. Mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman syariah



### MATLAMAT

Membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan berpaksikan konsep 'Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan

## NILAI TERAS KOD ETIKA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN (Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2008)

Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2008) disediakan sebagai satu garis panduan tatakelakuan untuk dipakai dan dipatuhi semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri. Ianya hendaklah dihayati dan diamalkan dalam menjalankan tugas dan kehidupan di luar pejabat sepanjang perkhidmatan.

### NILAI TERAS



#### 'UBUDIYYAH

Nilai ini merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepadaNya. Ia memberi signifikansi dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan aqidah yang jelas.



#### MAS'ULIYYAH

Nilai ini merujuk kepada kebertanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Nilai ini merupakan satu konsep khilafah (vicegerence) yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat.



#### ITQAN

Nilai ini merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja. Nilai ini akan membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.

## POLISI ANTIRASUAH, POLISI HADIAH & POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menyokong usaha dalam membanteras rasuah dan salahlaku integriti warga kerja. Bagi tujuan tersebut, selain membangunkan Pelan Integriti Organisasi, Kerajaan juga telah mewujudkan Polisi Antirasuah, Polisi Hadiah dan Polisi Pemberi Maklumat sebagai panduan dan rujukan kepada warga kerja.

### POLISI ANTIRASUAH



### POLISI PEMBERI MAKLUMAT



### POLISI HADIAH






## SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

Berdasarkan aduan berkenaan rasuah, governans dan integriti terhadap Kerajaan Negeri Kelantan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi tempoh lima tahun (2015-2019), Bidang Penguatkuasaan Undang-Undang dikenal pasti sebagai bidang paling berisiko sehingga menyumbang kepada 69.4% aduan. Kecenderungan berlaku rasuah dan salah laku integriti seterusnya adalah Bidang Tadbir Urus Korporat (17%), Tadbir Urus Politik (7.6%), Pentadbiran Sektor Awam (7.0%), Perolehan Awam (4.6%) dan Perundangan dan Mahkamah Syariah (0.6%).

Analisa terhadap lima tahun (2015-2019) aduan berkaitan rasuah, governans dan integriti yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) terhadap Kerajaan Negeri Kelantan juga mendapati 95% adalah membabitkan governans, rasuah (3%) dan integriti (2%). Isu governans yang diadakan berkenaan kegagalan penguatkuasaan, kelewatan atau tiada tindakan, kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan, tindakan adil dan kepincangan pelaksanaan dasar dan kelemahan undang-undang.


Manakala dari kes-kes tatatertib pula bagi tahun 2015-2019, kebanyakan kes adalah melibatkan kesalahan-kesalahan seperti tidak hadir bertugas, keluar negara tanpa kebenaran, menerima rasuah, penyalahgunaan dadah, keberhutangan serius, penyelewengan, dan lain-lain kesalahan melibatkan governans dan integriti.

ADUAN YANG DITERIMA OLEH SPRM BAGI TAHUN 2015-2019




Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

ADUAN YANG DITERIMA OLEH BPA BAGI TAHUN 2015-2019



Sumber : Biro Pengaduan Aduan

BILANGAN KES-KES TATATERTIB BAGI TAHUN 2015-2019



Sumber : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK

## BAB 2 ISU DAN CABARAN

Merupakan gambaran kepada senario rasuah dan salah laku integriti yang mungkin berlaku di masa hadapan.

Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan.

## ISU DAN CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI DALAM MENANGANI RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI

Isu tadbir urus yang lemah berlaku di setiap organisasi. Hal ini berpunca daripada tiada peraturan atau pun peraturan sedia ada telah lapuk, konflik kepentingan dan pegawai yang tidak berintegriti seterusnya menjurus kepada jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Tadbir urus yang baik dalam sesebuah organisasi mampu meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam apa jua urusan organisasi. Ia juga mampu melindungi hak pihak berkepentingan dan mengelakkan daripada sebarang ketirisan dan kerugian. Dengan itu, ruang dan peluang bagi penyelewengan dan rasuah dapat ditutup.

Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan dan agensi adalah perkara penting dalam memastikan pertumbuhan organisasi dan pembangunan dapat dilaksanakan secara berkesan. Namun faktor kelemahan integriti dan kerenah birokrasi telah menyebabkan kurang keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang akhirnya menyebabkan imej negatif terhadap perkhidmatan organisasi.

Setiap agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan diarahkan untuk memastikan setiap urusan berkaitan pentadbiran dan kewangan dilaksanakan secara berhemah berdasarkan prinsip amalan tadbir urus baik dengan memastikan setiap peraturan yang ditetapkan dipatuhi. Namun, isu campur tangan pihak berkepentingan seperti ahli politik dalam urusan pentadbiran dan kewangan adalah antara isu utama yang mana ada pihak-pihak tertentu dilihat mencampuri urusan organisasi bagi mengaut keuntungan peribadi dan sanggup membelakangkan undang-undang dan peraturan. Antara campur tangan yang biasa berlaku adalah dalam urusan perolehan, sumber manusia, kewangan dan pentadbiran organisasi.

Dalam zaman serba moden ini, penggunaan teknologi merupakan salah satu langkah dan instrumen yang baik bagi membendung dan menangani masalah rasuah. Namun buat masa sekarang, penggunaannya dilihat bergantung kepada peruntukan kewangan dan kemahuan pengurusan untuk mengoptimalkan teknologi sedia ada. Penggunaan teknologi yang terkini secara tidak langsung dapat memastikan ketelusan dan mengurangkan risiko rasuah melalui transaksi digital yang lancar dan mewujudkan rekod kekal untuk semakan lanjut yang memberi lebih keyakinan kepada orang awam terhadap organisasi.


Ketidaktelusan dan manipulasi urusan perolehan akan menyebabkan kerugian dan pembaziran sumber kewangan, masa, projek yang dirancang gagal dilaksanakan dan membuka kepada peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa. Hal ini berpunca daripada wujudnya percanggahan kepentingan, kebocoran maklumat selain pegawai tidak berintegriti dan tidak kompeten dalam melaksanakan tugas.

Tindakan yang kurang tegas dan tidak konsisten terhadap pegawai yang melakukan kesalahan adalah akibat kegagalan untuk mematuhi peraturan sedia ada, wujud percanggahan kepentingan selain bukti-bukti kes yang tidak mencukupi. Selain itu, kes-kes tersebut tidak dipanjangkan kepada pihak berkuasa untuk siasatan lanjut. Hal ini menyebabkan tindakan dan hukuman yang dikenakan terhadap pegawai tidak diambil serius dan pegawai tidak terkenaan dengan tindakan yang dikenakan. Ia mewujudkan persepsi buruk dan suasana tidak harmoni dalam organisasi.



Penghayatan nilai-nilai murni termasuk integriti dan antirasuah yang lemah oleh pihak luar juga merupakan satu isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh organisasi. Usaha penyampaian perkhidmatan yang telus akan terbantu akibat persepsi dan tanggapan negatif pihak luar termasuk orang awam yang akan menghakis keyakinan mereka terhadap penyampaian perkhidmatan yang diberikan organisasi dan seterusnya akan memberi kesan negatif terhadap organisasi.

## PELAKSANAAN PEMANTAPAN PENCEGAHAN RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI





## ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Semasa pembangunan KACP, pelbagai data dan maklumat telah diperolehi bagi proses penilaian risiko untuk menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan. Data-data berkenaan berbentuk statistik, laporan, kajian dan maklumat daripada pelbagai jabatan/agensi yang berkaitan :-

Data dan statistik daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu data dan statistik mengenai aduan/tohmahan rasuah yang diterima oleh SPRM sepanjang tahun 2015-2019.

Laporan Ketua Audit Negara iaitu laporan teguran daripada tahun 2015-2019.

Biro Pengaduan Aduan Negeri Terengganu/Kelantan berkaitan aduan rasuah, governans dan integriti yang diterima melibatkan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 2015-2019.

Statistik daripada Polis Diraja Malaysia Negeri Kelantan iaitu data kesalahan yang melibatkan penjawat awam negeri kelantan tahun 2015-2019.

Data dan statistik tatatertib daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK iaitu statistik kesalahan tatatertib yang melibatkan penjawat awam negeri Kelantan sepanjang tahun 2015-2019.


Data Keberhutangan Serius (potongan gaji melebihi 60%) sumber daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan.

Input melalui kaedah pelaksanaan Corruption Risk Management (CRM) yang melibatkan peserta Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah bagi Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (PPR OACP) Kerajaan Negeri Kelantan.

Input yang diperolehi melalui sesi libat urus yang melibatkan pegawai yang bertanggungjawab (PIC) dan pegawai-pegawai bagi enam (6) bidang keutamaan.

Hasil daripada analisis persekitaran dan penilaian risiko yang telah dilaksanakan, beberapa bidang yang berisiko terdedah kepada perlakuan rasuah dan salah laku integriti telah dikenalpasti.

Enam bidang utama yang berisiko yang perlu diberi penekanan adalah Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Penguatkuasaan Undang-Undang, Tadbir Urus Korporat, Tadbir Urus Politik dan Perundangan dan Kehakiman Syariah.



Bilangan Kes Aduan Tahun 2015-2019  
Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



## BIDANG-BIDANG BERISIKO

### PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan Kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras Kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sektor awam demi meningkatkan keberterjawabannya.

### PEROLEHAN AWAM


Mengikut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan dan perusahaan milik awam. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, Kerajaan perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam Kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada sistem yang telah disusun untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan norma-norma yang mengawal masyarakat. Agensi penguatkuasaan undang-undang amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan kadar jenayah demi kesejahteraan rakyat. Kebanyakan agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak Eksekutif, kurangnya kebebasan dan integriti dalam pentadbiran yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Penguatkuasaan undang-undang dengan itu harus dikaji semula bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.

### PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH

Perundangan bermaksud sistem undang-undang yang mentadbir negara sementara kehakiman merujuk secara khusus kepada pentadbiran keadilan, berdasarkan undang-undang sedia ada. Untuk meningkatkan keberkesanan sistem keadilan, adalah penting untuk membuat pembaharuan terhadap beberapa undang-undang sedia ada seperti mengesyorkan dan memperkenalkan perubahan tertentu. Pembaharuan mesti memasukkan prinsip pemisahan kuasa dan menamatkan campur tangan pihak luar seterusnya meningkatkan keyakinan serta rasa hormat pihak awam. Proses pembaharuan undang-undang harus direka dengan lebih baik untuk memenuhi keperluan masyarakat. Pindaan undang-undang perlu dilakukan dengan betul bagi melindungi kepentingan masyarakat dan mewujudkan keadilan untuk semua.



(Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)

### TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat secara umum merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses tentang bagaimana sesebuah organisasi korporat diteraju serta dikawal. Menurut prinsip tadbir urus yang baik oleh OECD, tadbir urus korporat yang baik dapat membantu memastikan syarikat menggunakan modal dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak di mana mereka beroperasi. Dengan menjadikan syarikat bertanggungjawab kepada pemegang taruh dan bukan hanya kepada pemegang saham, syarikat secara tuntasnya beroperasi demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya. Di akhirnya, keyakinan para pelabur baik dalam mahupun luar negeri dapat dipertahankan lantas menarik lebih banyak modal jangka panjang.

### TADBIR URUS POLITIK

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), dalam kertas polisi tahun 1997, mentakrifkan tadbir urus sebagai "pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal negara di semua peringkat. Ia terdiri daripada mekanisme, proses dan institusi yang mana melaluinya rakyat serta kumpulan masyarakat menyuarakan kepentingan mereka, menjalankan hak undang-undang mereka, memenuhi kewajipan mereka, dan memurnikan perbezaan antara mereka". Dalam istilah mudah, tadbir urus politik bermaksud penggunaan kuasa atau autoriti oleh pemimpin untuk kesejahteraan negara. Hal ini boleh disimpulkan sebagai seni memerintah negara oleh ahli politik. Struktur tadbir urus politik yang baik bergantung kepada institusi negara yang telus dan berkesan.

## BAB 3 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Menghuraikan enam (6) bidang keutamaan dalam KACP iaitu memperkukuhkan profesionalisme dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam negeri Kelantan, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, meningkatkan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, memperkasakan tadbir urus baik dalam entiti korporat, memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti politik dan mempertingkat kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman syariah. Strategi yang digariskan ini menjurus kepada 23 objektif strategik yang meliputi 76 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

### KACP





## KEPERLUAN KERANGKA KACP

Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). NACP yang telah dibangunkan adalah lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Tidak dinafikan, Kerajaan Negeri Kelantan juga perlu menangani gejala rasuah dan kelemahan tadbir urus dengan segera serta mewujudkan sistem pentadbiran organisasi yang berintegriti tinggi demi kestabilan organisasi dan kesejahteraan rakyat. Ini adalah kerana rasuah dan kelemahan tadbir urus telah membawa banyak kepincangan dan memberi kesan buruk kepada negara termasuk jabatan/agensi kerajaan. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran organisasi bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap kerajaan.

Bagi mencapai matlamat itu, kerajaan Kelantan telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi KACP iaitu ke arah pentadbiran negeri Kelantan yang berintegriti dan bebas rasuah. Ianya adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Dalam KACP telah menetapkan enam strategi utama bagi menangani risiko rasuah dalam bidang keutamaan yang berisiko tinggi seperti Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Penguatkuasaan Undang-Undang, Tadbir Urus Korporat, Tadbir Urus Politik dan Perundangan dan Kehakiman Syariah.

Enam strategi utama adalah memperkukuhkan profesionalisme dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam negeri Kelantan, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam, meningkatkan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, memperkasakan tadbir urus baik dalam entiti korporat,



memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti politik serta mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman syariah.

Strategi ini akan juga didukung oleh tiga langkah penting iaitu melalui pengukuhan integriti penjawat awam, mempekemaskan tadbir urus sedia ada dan memperkasakan usaha pencegahan rasuah di Kerajaan Negeri Kelantan sejajar dengan kehendak NACP.

Melalui langkah-langkah yang ditetapkan ini, diharap dapat meningkatkan integriti warga kerja dan melonjakkan imej Kerajaan Negeri Kelantan. KACP telah menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi dengan komprehensif dalam memerangi rasuah dan salah laku integriti.



## KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KELANTAN (KACP) 2020-2024

### ASPIRASI KERAJAAN

Kerajaan Negeri Kelantan dikenali kerana Integriti Bukannya Rasuah

### VISI

Ke Arah Pentadbiran Negeri Kelantan Yang Berintegriti Dan Bebas Rasuah

### MISI

Memperkasakan Tadbir Urus Dan Integriti Penjawat Awam Negeri Kelantan Melalui Pematuhan Terhadap Undang-undang, Peraturan Dan Arahan Yang Berkuatkuasa

### MATLAMAT

Membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan berpaksikan konsep 'Ubudiyah, Mas'uliyah Dan Itqan

### BIDANG KEUTAMAAN

1. Pentadbiran Sektor Awam
2. Perolehan Awam
3. Penguatkuasaan Undang-Undang
4. Tadbir Urus Korporat
5. Tadbir Urus Politik
6. Perundangan dan Kehakiman Syariah

### STRATEGI

1. Memperkukuhkan profesionalisme dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam Negeri Kelantan
2. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan Perolehan Awam
3. Meningkatkan kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang
4. Memperkasakan Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat
5. Memperkasakan Kebertanggungjawaban dan Integriti Politik
6. Mempertingkatkan kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman Syariah

### OBJEKTIF STRATEGIK


1. Memperkasakan Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Terbaik (Good Governance)
2. Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan dan Imej Korporat
3. Menambahbaik Keberkesanan Program Pembangunan Professional Berteraskan Ubudiyah, Mas'uliyah Dan Itqan (UMI)
4. Memantapkan Pentadbiran Sistem Pengurusan Tatatertib dan Sistem Keadilan
5. Menambahbaik proses pengambilan, pemilihan, penempatan dan kenaikan pangkat sedia ada dengan memperkasakan syarat merit dan integriti
6. Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta meningkatkan integriti
7. Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam
8. Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam dan Pengurangan Risiko Rasuah
9. Meningkatkan Kecekapan, Pengamalan Profesionalisme dan Daya Tahan Ancaman Rasuah dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang
10. Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi dalam Penguatkuasaan Undang-Undang
11. Menambahbaik Perundangan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang
12. Memastikan Pengamalan Ketelusan oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat
13. Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di Entiti Korporat
14. Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan
15. Meminima Penglibatan Ahli Politik Dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak BerkuasaTempatan
16. Memperkasa Autoriti dan Tadbir Urus Dewan Undangan Negeri
17. Memantapkan Integriti Hakim Syarie
18. Meningkatkan profesion guaman syarie di Negeri Kelantan
19. Mempertingkatkan kredibiliti pengurusan mahkamah di jajahan
20. Memperkukuhkan sistem keadilan dalam perundangan dan kehakiman syariah
21. Menggalakkan penggunaan ICT secara optimum untuk kemudahan dalam melaksanakan urusan mahkamah syariah agar efektif, efisien dan selamat
22. Memantapkan Jabatan Pendakwaan Syarie
23. Menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman Syariah Negeri Kelantan khusus untuk lantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan ke atas



## ANALISIS KE ATAS MAKLUMAT TOHMAHAN RASUAH DAN SALAHLAKU INTEGRITI

Berdasarkan analisis maklumat tohman yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2015 hingga 2019, didapati sebanyak lapan punca utama yang menyumbang kepada perlakuan rasuah dan salahlaku integriti di Kerajaan Negeri Kelantan. Lima punca utama telah diambil kira untuk membangunkan strategi dan inisiatif KACP yang dijangka dapat menangani masalah-masalah tersebut.

### LIMA PUNCA UTAMA RASUAH DAN SALAHLAKU INTEGRITI




Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



## ANALISIS KUADRAN INISIATIF

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 27 inisiatif yang dikenal pasti daripada 76 inisiatif berdasarkan punca rasuah dan salahlaku integriti yang ditemui. 27 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 16 inisiatif yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah) memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada penambahbaikan tadbir urus organisasi. Selebihnya 11 inisiatif keutamaanyang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran B (Impak dan kompleksiti tinggi) memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. Ringkasan 27 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

- KUADRAN A**  
Kuadran A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH
- KUADRAN B**  
Kuadran B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI
- KUADRAN C**  
Kuadran C mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH
- KUADRAN D**  
Kuadran D mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI



Kompleksiti : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif  
Impak : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

### STRATEGI ENAM (6) BIDANG KEUTAMAAN

- STRATEGI 1** : MEMPERKUKUHKAN PROFESIONALISME DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN
- STRATEGI 2** : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM
- STRATEGI 3** : MENINGKATKAN KREDIBILITI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
- STRATEGI 4** : MEMPERKASAKAN TADBIR URUS BAIK DALAM ENTITI KORPORAT
- STRATEGI 5** : MEMPERKASAKAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN INTEGRITI POLITIK
- STRATEGI 6** : MEMPERTINGKATKAN KREDIBILITI SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH



## KEUTAMAAN STRATEGI

### PENEKANAN 27 INISIATIF

